



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

SIARAN MEDIA

**PROGRAM E.R.A.T RAMADAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
BERSAMA DENGAN**

PENGUAT KUASA DAN MASYARAKAT

Putrajaya 10 April 2023 – Program E.R.A.T Ramadan EAIC bersama dengan Penguat Kuasa dan Masyarakat anjuran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), dengan kerjasama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin hari ini bertujuan untuk mengeratkan dan memperkukuhkan jalinan kerjasama antara EAIC, agensi penguatkuasaan seliaan dan masyarakat.

Tiga aktiviti utama E.R.A.T Ramadan EAIC yang dijalankan di sekitar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin adalah seperti berikut:

- (i) sesi rakaman takbir raya warga EAIC dan agensi penguatkuasaan EAIC dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS);
- (ii) kaji selidik bersama dengan orang awam mengenai penambahbaikan dan pemantapan integriti agensi penguatkuasaan seliaan dan perkhidmatan EAIC; dan
- (iii) edaran bubur lambuk kepada orang awam dan pegawai penguat kuasa (petugas barisan hadapan) di sekitar Putrajaya.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)

Aras 5, Blok Menara Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

Selaku badan pengawasan integriti pengawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan di bawah Akta 700, EAIC menyeru penjawat awam khususnya penguat kuasa agar sentiasa meningkatkan nilai integriti dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Masyarakat juga diingatkan agar sentiasa meningkatkan keprihatinan terhadap isu-isu berkaitan salah laku dan bekerjasama dengan EAIC untuk meningkatkan akauntabiliti dan mutu integriti agensi penguatkuasaan seliaan seperti Polis, Imigresen, Kastam dan lain-lain.

Kempen E.R.A.T EAIC telah dijalankan oleh EAIC sejak 2022, ia merupakan medium penyatuan antara EAIC, agensi penguatkuasaan seliaan serta masyarakat dalam usaha membudayakan integriti dalam kehidupan dan perkhidmatan serta memerangi dan mencegah salah laku.